

NO. SOALAN: 471

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

RUJUKAN : 8751

SOALAN:

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik yang terperinci mengenai kemasukan pelarian Syria ke Malaysia serta usaha-usaha untuk membantu mereka.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan semasa berucap di Sesi Ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Amerika Syarikat pada 1 Oktober 2015 akan bahawa Malaysia akan menerima 3,000 orang migran warganegara Syria atas dasar perikemanusiaan dalam tempoh tiga tahun.

Adalah ditekankan bahawa pelaksanaan Program Penempatan Sementara Migran Syria perlu jelas dan konsisten menggunakan terminologi 'migran' dan bukan 'pelarian' memandangkan Malaysia bukan Negara Pihak kepada Konvensyen Status Pelarian 1951 atau Protokol Status Pelarian 1967. Tambahan pula, tiada peruntukan atau takrifan khusus di dalam perundangan domestik negara yang menyentuh mengenai 'pelarian' termasuk Akta Imigresen 1959/63.

Sehubungan itu, Kerajaan mengambil langkah berhati-hati dalam melaksanakan program ini agar tidak akan menggambarkan Malaysia bercanggah dengan pendirian tidak mengiktiraf 'pelarian' dan menimbulkan kesan preferential treatment berbanding pendatang asing tanpa izin (PATI) yang memegang kad *United Nations High Commissioner For Refugees (UNHCR)* sedia ada dalam negara.

Kemasukan 3,000 migran Syria akan dilakukan secara berkelompok mengikut 3 fasa iaitu Fasa Pertama pada tahun 2016, Fasa Kedua pada tahun 2017 dan Fasa Ketiga pada tahun 2018. Selain itu, jumlah keseluruhan (kuota) 3,000 migran Syria yang bakal dibantu turut perlu mengambil kira tanggungan masing-masing.

Kemasukan migran Syria pada ketika ini memberikan fokus kepada calon yang mempunyai penaja iaitu ahli keluarga atau waris yang telah menetap secara sah di Malaysia serta dapat membuktikan kemampuan menyediakan tempat tinggal dan kemudahan asas yang berkaitan. Penetapan syarat melibatkan penaja ini adalah bagi memastikan kebajikan (*well being*) migran Syria akan terpelihara sepanjang keberadaan mereka di Malaysia. Dalam hal ini, penglibatan secara aktif daripada pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) juga akan digalakkan bagi membantu dalam memastikan segala pengurusan keperluan kumpulan migran Syria berjalan lancar.

Sebagai makluman, kumpulan pertama bagi Fasa Pertama migran Syria telah selamat tiba di Malaysia pada 8 Disember 2015. Kumpulan tersebut melibatkan 3 buah keluarga yang terdiri daripada 5 orang lelaki dewasa dan 6 orang wanita. Tindakan yang diambil oleh Kerajaan ini adalah selaras dengan komitmen Kerajaan dalam memberikan bantuan kemanusiaan kepada mereka yang berhadapan dengan konflik di Syria.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

SOALAN : 472

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan rasional memperkenalkan semula
Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) dan bakal dikendalikan oleh
Boustead Holding Bhd (BHB) yang berorientasikan keuntungan.**

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan *Automated Enforcement System* (AES) sememangnya masih berterusan sehingga kini di 14 lokasi semenjak ianya dilaksanakan mulai 23 September 2012 dan pengoperasian kamera tersebut tidak pernah dihentikan. Berdasarkan analisis yang dijalankan oleh MIROS terhadap perangkaan kemalangan jalan raya di 14 lokasi yang telah dipasang kamera AES, adalah didapati kemalangan maut telah menurun daripada 19 kes kepada 12 kes bagi tempoh 8 bulan selepas pelaksanaannya. Ini bermakna AES telah berjaya mengurangkan sebanyak 7 kes kemalangan maut atau 36.84% bagi tempoh 8 bulan.

Pemilikan dan kepentingan syarikat penyedia perkhidmatan AES telahpun diambil alih sepenuhnya oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentara (LTAT) yang berstatus *Government Link Investment Corporation* melalui syarikat subsidiarinya iaitu Irat Properties Sdn. Bhd. dan Boustead Holdings Berhad. Pelaksanaan dan pengoperasian AES masih berjalan sepertimana sedia ada di mana pihak LTAT bertindak dalam menyediakan infrastruktur, peralatan dan sistem AES tersebut manakala Jabatan Pengangkutan Jalan selaras dengan peruntukan Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 bertanggungjawab dalam operasi dan aktiviti penguatkuasaan termasuk melibatkan pengesahan imej kesalahan yang dirakam kamera AES dan pengeluaran saman.